

23 NOV 1999

Mahathir-P/raja

BN MAMPU TAWAN BEBERAPA LAGI KAWASAN "KELABU" MENJELANG P/RAJA

KOTA KINABALU, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyatakan keyakinan bahawa Barisan Nasional (BN) akan dapat menawan beberapa kawasan yang dikategorikan sebagai "kawasan kelabu" menjelang pilihan raya umum ke-10, Isnin ini.

"Saya rasa terdapat beberapa kawasan kelabu yang kita fikir boleh ubahnya menjadi putih sebelum hari pengundian," katanya kepada pemberita di terminal lama lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu di sini di akhir lawatan sehari beliau ke negeri ini.

Kawasan kelabu yang dimaksudkan itu ialah kubu-kubu kuat pembangkang.

Pengerusi BN itu juga berkata, BN sudah bersiap-sedia untuk menghadapi apa juga pendekatan yang digunakan oleh pembangkang ketika kempen pilihan raya umum yang hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi.

"Sekarang mereka guna taktik membuat laporan kepada polis... apabila kita buat sesuatu, mereka lapor kepada polis, kononnya ia salah," katanya.

Sebagai contoh, katanya, apabila BN menunjukkan gambar rusuhan yang benar-benar berlaku di negara ini, pembangkang terus menuduh BN telah melakukan ugutan.

"Kita bukan ugut, kita cuma mahu mengingatkan rakyat mengenai kemungkinan mereka akan membuat pilihan yang salah, supaya rakyat sedar mereka sepatutnya tolak orang yang guna rusuhan jalanan, bakar kereta, pecah dinding...orang macam ini tak layak jadi kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata BN mampu memenangi "16 kerusi dan mungkin lebih" di Sabah dan "ada kemungkinan untuk membentuk kerajaan" di Kelantan.

Beliau turut ditanya mengenai pencalonan Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko) Tan Sri Bernard Dompok di kerusi Parlimen Kinabalu walaupun sebelum ini ada ura-ura bekas Ketua Menteri itu akan bertanding bagi kerusi Penampang.

Kepada soalan itu, Dr Mahathir berkata: "Kita berpendapat bahawa sama ada Umno bertanding di Kinabalu atau di Tenom, kita akan dapat kemenangan. Jadi kita kena berikan satu daripada kerusi itu."

"Kalau kita tidak bertanding di Tenom, mungkin kita kalah kerusi itu, jadi kerana itu Umno pilih bertanding di Tenom dan beri Kinabalu kepada Dompok."

Calon BN di Tenom ialah Rizalman Abdullah daripada Umno.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Kuching, Sarawak untuk meneruskan lawatan di sana.

-- BERNAMA

JS PR